

20 SEP 1996  
Mahathir-Tiba  
PM TIBA UNTUK LAWATAN KERJA KE PORTUGAL

Oleh: Syed Jamil Jaafar

LISBON, 20 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan kerja tiga hari bertujuan meningkatkan hubungan dengan Portugal dan membantu usaha Malaysia menyertai arena lumba kereta Formula One (F1) dunia.

Dr Mahathir dijadual mengunjungi Presiden Portugal Dr Jorge Sampaio petang ini dan mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya Antonio Guterres pada hari Ahad.

Para pegawai Malaysia berkata kedua-dua mesyuarat peringkat tinggi itu dijangka memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan hubungan ekonomi dan perdagangan.

Malaysia, yang berharap untuk menyertai arena lumba kereta F1 dengan pembinaan litar lumba kereta dekat Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang, berminat untuk belajar daripada pengalaman Portugal dalam bidang itu.

Litar lumba Estoril di luar Lisbon, yang dibina pada tahun 1972, adalah antara 16 perlumbaan grand prix dalam sirkit dunia itu sekarang.

Jepun merupakan negara Asia yang tunggal menganjurkan perlumbaan F1 pada masa ini. Estoril Grande Premio de Portugal pada hujung minggu ini merupakan perlumbaan grand prix ke-15 manakala Grand Prix Jepun pada bulan depan adalah yang terakhir untuk kalender perlumbaan tahun ini.

Dr Mahathir akan melawat litar lumba Estoril itu esok dan akan menyertai kira-kira 100,000 penonton untuk menyaksikan perlumbaan itu Ahad ini.

Petronas menaja Pasukan Red Bull Sauber yang akan beraksi Ahad ini. Kereta Red Bull Sauber Ford Zetec-R V10 itu akan turut mempamerkan nama Petronas dan Malaysia.

Para pelumba terkemuka dunia akan menyertai perlumbaan itu, antaranya Damon Hill, yang mendahului senarai kedudukan, Jacques Villeneuve, Michael Schumacher, Jean Alesi dan Mika Hakkinen.

Pemandu-pemandu Sauber, Heinz-Harald Frentzen dari Jerman dan Johnny Herbert dari Britain kini masing-masing di kedudukan ke-11 dan ke-14.

Sementara itu, kalangan pegawai perlumbaan di sini berkata Malaysia mempunyai peluang yang baik untuk dipilih menyertai sirkit F1 dunia.

Selain membina sebuah litar lumba yang menepati spesifikasi antarabangsa, Malaysia juga perlu mengemukakan pakej kewangan yang menarik untuk membawa para peserta ke sini, menurut seorang pegawai.

"Malaysia juga perlu menyediakan infrastruktur yang baik di tempat perlumbaan, seperti bilik hotel yang mencukupi, tetapi ini tidak menjadi masalah kepada Kuala Lumpur," kata pegawai itu.

Indonesia dan China juga mempunyai hasrat untuk menganjurkan perlumbaan F1.

Sebanyak 11 daripada 16 grand prix F1 pada masa ini diadakan di Eropah. Lima lagi grand prix diadakan di Australia, Brazil, Argentina, Kanada dan Jepun. -- BERNAMA

SJ AKD